

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1987/88

SAU 202 -Kemiskinan Dan Ketidaksamaan

Tarikh : 4 April 1988

Masa : 2.15 ptg - 5.15 ptg
[3 jam]

Jawab **EMPAT** soalan sahaja. Semua soalan pendik Bahagian A mesti dijawab. Pilih **DUA** soalan dari Bahagian B dan **SATU** soalan dari Bahagian C.

Bahagian A [40 markah]

Jawab **SEMUA** soalan.

1. [a] Bezakan di antara kemiskinan relatif dengan ketidaksamaan sosial.
- [b] Nyatakan perbezaan pandangan mengikut tiga jenis ideologi, iaitu radikal, liberal dan konservatif mengenai pembahagian buruh mengikut "gender".
- [c] Berpandukan kepada Jadual 3-1 dari Rancangan Malaysia Kelima, nyatakan perubahan kadar kemiskinan mengikut ruang, iaitu bandar dan luar bandar dari tahun 1970 hingga tahun 1984. Bagaimana isirumah luar bandar ditakrifkan?
- [d] Adakah angka-angka yang diberi dalam Jadual 3-1 berdasarkan garis yang sama? Beri sebab-sebab kenapa angka itu berbeda. Tunjukkan golongan-golongan di mana angka-angka datang dari sumber yang tidak langsung.
- [e] Berasaskan kepada Jadual 3-2 nyatakan kadar kemiskinan bagi Negeri-negeri berikut untuk 1976 dan 1984:
 - [i] Negeri-negeri Selat
 - [ii] Negeri-negeri Melayu Bersekutu
 - [iii] Negeri-negeri Melayu Tak Bersekutu tapi di Utara

[iv] Negeri-negeri Melayu Tak Bersekutu tapi di Selatan

[v] Negeri-negeri Malaysia Timur

Tunjukkan bersama cara anda mengira.

[f] Berpandukan jadual 3-3 dari Rancangan Malaysia Yang Kelima nyatakan peratus pertambahan pelajar dan bilik darjah bagi sekolah rendah dan menengah dari tahun 1980-1985, 1985-1990 dan 1980-1990. Sebutkan juga pertambahan purata dari tahun 1980 hingga 1990.

[g] Dengan menggunakan kertas graf yang disediakan, lukiskan keluk Lorenz yang:

[i] menunjukkan ketidaksamaan dalam agihan pendapatan dalam dua buah negara, iaitu negara A dan B yang mana negara A lebih tidak sama dari negara B.

[iii] menunjukkan ketidaksamaan dalam agihan pendapatan dalam satu negara tapi dalam dua masa yang berbeda. Masa pertama (t_1) agihan pada peringkat bawah adalah lebih tidak sama dari peringkat atas dan pada masa kedua (t_2) agihan pada peringkat bawah adalah lebih saksama dari peringkat atas. Apakah maksud "intersection" yang berlaku pada kedua-dua keluk Lorenz ini?

[h] Apakah elemen-elemen yang diambilkira dalam mengukur kemiskinan relatif dan adakah ia sama dengan petunjuk harga pengguna (C.P.I.)?

[i] Nyatakan dengan ringkas perbedaan pandangan Runciman, dan Mandel mengenai kelas sosial.

[j] Sebutkan empat kesan sosial yang dirasai dari perbedaan kelas.

Bahagian B [20 markah bagi setiap satu soalan]

Jawab DUA soalan sahaja.

2. Huraikan perubahan-perubahan dalam teori kemiskinan Ungku Aziz, S. Husin Ali, Kamal Saleh dan M. Khor Kok Peng. Apakah teori yang dipegang oleh Rancangan Malaysia Kelima mengenai kemiskinan?
3. Pilih satu jenis pola ketidaksamaan sosial dan nyatakan bagaimanakah ia boleh diukur. Huraikan pola ini dengan berpandukan Malaysia dan jelaskan proses sosial yang telah mengakibatkannya.
4. Apakah petunjuk-petunjuk yang digunakan untuk menjelaskan ketidaksamaan sosial antara negara? Huraikan sebab-sebab ketidaksamaan ini dengan menjelaskan peranan agensi-agensi antarabangsa dalam membasmi kemiskinan.
5. Jelaskan perbedaan ketidaksamaan sosial dalam negara kapitalis dengan negara sosialis. Apakah pandangan David Lane mengenai soal ini bila beliau membincang tentang masyarakat Russia?

Bahagian C [20 markah]

Jawab SATU soalan sahaja.

6. Weber dan Marx mempunyai pandangan yang berbeda mengenai kelas sosial. Sejauhmanakah kekeliruan mengenai dua pengarang ini telah mempengaruhi pengarang mengenai kelas sosial di Malaysia seperti S. Husin Ali, Shamsul Amri Baharudin dan J. Scott? Jawapan anda mesti mengandungi contoh-contoh dari sumbangan tiga pengarang di atas.

7. Ideologi banyak mempengaruhi teori perlapisan sosial. Jelaskan teori ini dan pengaruh ideologi ke atasnya. Bagaimanakah ia mempengaruhi pandangan kita mengenai ketidaksamaan sosial mengikut ras? Gunakan contoh dari sebuah negara yang anda pilih.

- oooOooo -

Daripada: Rancangan Malaysia Kelima, 1985 - 1990.

JADUAL 3-1
SEMENANJUNG MALAYSIA: KADAR KEMISKINAN¹ MENGIKUT KAWASAN-KAWASAN
BANDAR-LUAR BANDAR, 1970, 1976 DAN 1984

Strata	1970 ²			1976 ³			1984 ⁴		
	Jumlah isirumah ('000)	Jumlah isirumah miskin ('000)	Kadar kemiskinan (%)	Jumlah isirumah ('000)	Jumlah isirumah miskin ('000)	Kadar kemiskinan (%)	Jumlah isirumah ('000)	Jumlah isirumah miskin ('000)	Kadar kemiskinan (%)
Luar bandar ⁵	1,203.4	705.9	58.7	1,400.8	669.6	47.8	1,629.4	402.0	24.7
Pekebun kecil getah	350.0	226.4	64.7	126.7	73.8	58.2	155.2	67.3	43.4
Penanam padi	140.0	123.4	88.1	187.9	150.9	80.3	116.6	67.3	57.7
Pekerja estet ⁶	148.4	59.4	40.0	-	-	-	81.3	16.0	19.7
Nelayan	38.4	28.1	73.2	28.0	17.6	62.7	34.3	9.5	27.7
Pekebun kecil kelapa	32.0	16.9	52.8	19.3	12.4	64.0	14.2	6.6	46.9
Petani-petani lain ⁷	144.1	128.2	89.0	528.4	275.4	52.1	464.2	158.8	34.2
Industri lain ⁸	350.5	123.5	35.2	510.5	139.5	27.3	763.6	76.5	10.0
Bandar	402.6	85.9	21.3	530.6	94.9	17.9	991.7	81.3	8.2
Pertanian	-	-	-	24.8	10.0	40.2	37.5	8.9	23.8
Perlombongan	5.4	1.8	33.3	4.5	0.5	10.1	7.8	0.3	3.4
Pembuatan	84.0	19.7	23.5	55.3	9.5	17.1	132.3	11.3	8.5
Permintaan	19.5	5.9	30.2	34.7	6.1	17.7	86.6	5.3	6.1
Pengangkutan dan kemudahan awam	42.4	13.1	30.9	53.2	9.1	17.1	73.9	2.7	3.6
Perdagangan dan perkhidmatan	251.3	45.4	18.1	242.0	33.7	13.9	472.7	21.9	4.6
Kegiatan yang takrifnya tidak lengkap	-	-	-	116.1	26.0	22.4	180.9	30.9	17.1
Jumlah	1,606.0	791.8	49.3	1,931.4	764.4	39.6	2,621.1	483.3	18.4

Sumber: Jabatan perangkaan, Penyiasatan Selepas Banci (PES), 1970, Banci Pertanian, 1977 dan Penyiasatan Pendapatan Isirumah, 1984.

Nota:

- ¹ Kadar kemiskinan bagi tahun 1970 adalah berdasarkan pendapatan garis kemiskinan per kapita manakala bagi tahun 1976 dan 1984 berdasarkan garis kemiskinan kasar bagi tahun-tahun berkenaan.
- ² PES ialah penyiasatan sampel yang meliputi 25,000 isirumah di Semenanjung Malaysia.
- ³ Banci Pertanian, 1977 (untuk tahun rujukan 1976) meliputi 188,000 isirumah di Malaysia.
- ⁴ Penyiasatan Pendapatan Isirumah, 1984 ialah penyiasatan sampel yang meliputi 60,250 isirumah di Malaysia.
- ⁵ Isirumah ditakrifkan semula berdasarkan perusahaan dan pekerjaan ketua isirumah.
- ⁶ Perangkaan mengenai pekerja estet bagi tahun 1970 diperolehi daripada sumber-sumber secara tidak langsung dan oleh itu, tidak boleh dibuat perbandingan dengan tahun 1984. PES tidak membuat sebarang pengasingan antara pekerja-pekerja estet dan buruh di kebun-kebun kecil. Banci Pertanian, 1977 tidak meliputi estet dan oleh itu, anggaran bagi pekerja estet bagi tahun 1976 tidak diperolehi.
- ⁷ Termasuk petani-petani lain seperti pekebun kecil kelapa sawit, pekebun kecil lada hitam, pekebun kecil nanas dan penanaman tembakau, dan penternak ayam-itik dan ternakan-ternakan lain.
- ⁸ Termasuk isirumah yang melibatkan diri dalam sektor-sektor perlombongan, pembuatan, pembinaan, pengangkutan dan kemudahan awam, dan perdagangan dan perkhidmatan.

(SAU.202)

JADUAL 3-2

MALAYSIA: KADAR KEMISKINAN MENGIKUT NEGERI,
1976 DAN 1984

Negeri	1976			1984		
	Jumlah isirumah ('000)	Jumlah isirumah miskin ('000)	Kadar kemiskinan (%)	Jumlah isirumah ('000)	Jumlah isirumah miskin ('000)	Kadar kemiskinan (%)
Johor	268.1	77.8	29.0	365.8	44.5	12.2
Kedah	216.3	131.9	61.0	253.9	93.0	36.6
Kelantan	167.8	112.7	67.1	206.7	81.0	39.2
Melaka	85.8	27.8	32.4	95.1	15.1	15.8
Negeri Sembilan	106.0	35.0	33.0	132.8	17.3	13.0
Pahang	115.4	44.9	38.9	190.9	30.0	15.7
Pulau Pinang	150.1	48.6	32.4	204.2	27.4	13.4
Perak	340.7	146.4	43.0	400.2	81.1	20.3
Perlis	29.7	17.8	59.8	40.1	13.5	33.7
Selangor	211.4	48.3	22.9	359.2	31.0	8.6
Terengganu	100.6	60.7	60.3	129.9	37.6	28.9
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	139.4	12.5	9.0	242.1	11.8	4.9
Semenanjung Malaysia	1,031.4	764.4	39.6	2,621.1	483.3	18.4
Sabah ¹	163.9	95.5	58.3	229.8	76.0	33.1
Sarawak	205.1	115.9	56.5	282.2	90.1	31.9

Sumber: Jabatan perangkaan, *Banci Pertanian, 1977* dan *Penyiasatan Pendudukan Isirumah, 1984*.

Note:

¹ Termasuk Wilayah Persekutuan Labuan.

JADUAL 3-3

**MALAYSIA: PENYEDIAAN PERKHIDMATAN AWAM TERPILIH
DAN PETUNJUK-PETUNJUK MENGENAI MUTU KEHIDUPAN,
1980, 1985 DAN 1990**

<i>Petunjuk-petunjuk</i>	<i>1980</i>	<i>1985</i>	<i>1990</i>
Kesihatan¹			
Nisbah pusat kesihatan - penduduk luar bandar			
Semenanjung Malaysia	1:21,800	1:19,600	1:19,600
Sabah	1:10,600	1:11,500	1:13,600
Sarawak	1:215,400	1:132,800	1:136,800
Nisbah klinik desa - penduduk luar bandar			
Semenanjung Malaysia	1:4,000	1:3,700	1:3,800
Sabah ²	1:3,300	1:4,100	1:4,405
Sarawak ³	1:21,900	1:16,100	1:12,600
Nisbah doktor gigi-penduduk	1:18,475	1:15,333	1:12,442
Nisbah doktor - penduduk	1:3,912	1:3,215	1:2,500
Bilangan katil bagi tiap-tiap seribu penduduk	1.7	1.7	1.6
Jangka hayat semasa lahir ⁴ (tahun)			
Lelaki	66.7	67.6 ⁴	t.d.
Perempuan	71.6	72.7 ⁴	t.d.
Kadar kematian neonatal ⁵ (tiap-tiap 1,000)	14.8	11.5 ⁴	t.d.
Kadar kematian bayi ⁶ (tiap-tiap 1,000)	24.0	17.5 ⁴	t.d.
Kadar kematian kanak-kanak ⁷ (tiap-tiap 1,000)	2.0	1.5 ⁴	t.d.
Kadar kematian kasar ⁸ (tiap-tiap 1,000)	5.5	5.3 ⁴	t.d.
Pelajaran			
Bilangan bilik darjah di sekolah rendah	44,994	50,400	55,200
Bilangan pelajar di sekolah rendah	2,008,587	2,191,676	2,434,407
Bilangan bilik darjah di sekolah menengah	17,437	22,500	25,500
Bilangan pelajar di sekolah menengah	1,089,438	1,298,085	1,527,504
Kadar kenal huruf ⁹ (%)	72.0	t.d.	t.d.
Perumahan			
Bilangan rumah-rumah awam kos rendah yang dibina (unit)	-	71,300 ¹⁰	45,800 ¹¹
Liputan penduduk luar bandar yang dibekalkan dengan air bersih dan air paip (%)			
Liputan penduduk luar bandar yang dibekalkan dengan elektrik (%)	42.9	57.6	72.8
Liputan penduduk luar bandar yang mendapat saerah daripada kemudahan tandas sempurna (%)	48.0	68.2	76.6
	48.3	68.8	90.0

Sumber: Jabatan Perangkaan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dan Kementerian Kerjanya.

Nota:

- ¹ Semua nisbah adalah berdasarkan bilangan projek yang telah diluluskan bagi tempoh 1981-85 dan 1986-90.
- ² Di Sabah dan Sarawak, angka-angka nisbah bagi kumpulan ini mengambil kira liputan bagi dispensari luar bandar, pusat kesihatan kecil kampung berkelompok dan klinik bidan.
- ³ Bagi Semenanjung Malaysia sahaja.
- ⁴ Bagi tahun 1984.
- ⁵ Kadar bagi tahun 1980 didapati daripada Banci Penduduk.
- ⁶ Bagi tempoh 1981-85.
- ⁷ Bagi tempoh 1986-90.
- ⁸ t.d. Tidak diperolehi.